

19/06/2000

Semangat tolak ansur penting

PERGOLAKAN dalam MCA dianggap selesai apabila dua pemimpin tertingginya - Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Datuk Lim Ah Lek, bersepakat semula. Perbalahan antara Dr Ling sebagai presiden parti dan Lim, timbalannya, bukanlah membabitkan isu yang terlalu besar hingga boleh merobekkan MCA. Ia boleh dianggap salah faham yang tercetus akibat rasa tidak puas hati Lim berhubung kedudukan barisan pemimpin pelapis parti itu. Lim mungkin mempunyai alasan untuk mendesak supaya lebih banyak tempat diberikan kepada perwakilan parti manakala Dr Ling pula mempunyai alasannya tersendiri.

Bagi Dr Ling, tidak semudah itu untuk meminta daripada Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya menambah kuota bagi perwakilan MCA dalam Kabinet. Beliau tidak mahu permintaannya itu dianggap sebagai satu tuntutan apabila isu itu mula diperdebatkan di luar gelanggang politik. Perwakilan MCA dalam Parlimen berikutan pilihan raya November tahun lalu memang meningkat. Namun, perlu juga diingat dalam pilihan raya umum 1995, kedudukan perwakilan MCA tidak seramai sekarang. Ketika itu kuota menteri mewakili MCA dalam Kabinet tidak pun dikurangkan. Dalam BN, sepatutnya wujud semangat tolak ansur kerana air ada pasang surutnya.

(END)